



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)
[Info UMK](#)
[Pra-Siswazah](#)
[Pascasiswazah](#)
[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)
[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)
[Fakulti Perubatan Veterinar](#)
[Fakulti Industri Asas Tani](#)
[Fakulti Sains Bumi](#)
[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)
[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ CABARAN KEJOHANAN SUKUM KE 37 MEMBUKA TIRAI

CABARAN KEJOHANAN SUKUM KE 37 MEMBUKA TIRAI



KEJOHANAN Sukan Staf Antara IPTA Malaysia (SUKUM) Ke 37 membuka tirainya, semalam, dengan 21 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) negara bersaing untuk memburu pingat yang ditawarkan dalam temasya tahunan pada majlis pembukaan yang dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (UUM), YB.Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar di Stadium Pusat Sukan, UUM, Sintok, Kedah.

Acara perasmian bermula dengan perbarisan masuk 21 kontinjen daripada seluruh IPTA termasuk Universiti Malaysia Kelantan. Kontinjen UMK yang terdiri 98 pegawai dan atlet diketuai oleh Chef-de-Mission, YBhg.Prof. Dr. Razi bin Che Razak, bagi mengalas cabaran yang melibatkan lima acara iaitu bolasepak (senior dan veteran), badminton, baling padang dan futsal.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pada kejohanan kali ini, UUM sekali lagi telah diberi mandat sebagai tuan rumah bagi kejohanan sukan tradisi bagi seuruh IPTA di negara ini.

Beliau berkata, semut merah dipilih sebagai maskot kejohanan kali ini dan pemilihan itu mengambil kira sikap binatang tersebut yang selalu positif, ambil peduli, memiliki inisiatif, rendah hati, berdisiplin dan bertanggungjawab serta mampu menjalin kerjasama dalam menjalankan tugas.

"Idea untuk memilih semut merah sebagai maskot kejohanan kerana percaya sikap positif yang ada pada semut merah ini dapat memberi inspirasi kepada atlet yang akan bertanding,"katanya.



Beliau berkata demikian semasa majlis perasmian kejohanan tersebut di UUM.

Menurut Prof. Dato' Dr. Mohamed, kejohanan sukan ini berlangsung setiap tahun khas untuk semua staf yang berkhidmat dengan semua IPTA di Malaysia untuk menunjukkan bakat masing-masing di dalam bidang sukan.

"Kejohanan sukan pada kali ini bukan sahaja dapat menyaksikan kehebatan atlet yang bertanding tetapi juga sebagai usaha pembinaan semangat berpasukan dan mengwujudkan persaingan yang sihat.

"Selain itu, UUM akan menyediakan kemudahan yang terbaik kepada semua atlet bertanding untuk menghadapi persaingan yang sihat bagi meraih kecemerlangan pada sukan kali ini,"katanya.



Bilangan Pelawat :
297767

[Penafian](#)

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)

[Soalan Lazim](#)

[Hubungi Kami](#)

[Bantuan](#)

[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 07/11/2012, 07:46:44.